

Tiga badan akan pelopori pembentukan...

Majlis untuk majukan sukan warisan Melayu



• **HAJI YA'ACOB**
Sudah sampai masa
usaha penggalakan
bersama diadakan.

TIGA buah badan sukan tradisional dijangka akan memelopori pembentukan sebuah majlis sukan tradisional Melayu pada tahun ini.

Majlis itu meliputi badan-badan sukan seni silat, sepaktakraw dan gasing. Ia kelak mungkin akan dinamakan Majlis Sukan Tradisional atau dikenali dengan ringkasnya sebagai Masutra.

Penubuhannya dijangka dilakukan selepas Hari Raya Puasa.

Satu jawatankuasa sementara dijangka dibentuk dan mengandungi 10 orang wakil dari Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Federasi Gasing Singapura dan Perseku-

tuan Amatur Sepaktakraw Singapura (Perses).

Demikian kata Presiden Persisi yang juga Presiden Perses, Haji Ya'acob Mohamed, semasa berucap di majlis penyampaian diploma kepada lima orang guru silat di Hotel Paramount, kemarin malam. Majlis itu dianjurkan oleh Persisi.

PENCAK SILAT
Bila diminta menjelaskan lebih lanjut tentang pembentukan Masutra, Haji Ya'acob memberitahu *Berita Harian* bahawa pada masa ini ketiga-tiga buah badan sukan tradisional itu telah berjalan

Oleh ZAWIYAH SALLEH

20 JAN 1984

dan bergiat secara sendiri-sendiri dalam menggalakkan ketiga jenis sukan tradisional itu.

"Jadi, sudah sampai masanya untuk ketiga-tiga badan itu mengadakan usaha penggalakan secara bersama-sama," kata Haji Ya'acob yang menjadi Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke India.

Sendiri2

Beliau juga berkata bahawa sukan-sukan tradisional Melayu yang lain seperti jong dan kolek mungkin akan dimasukkan di bawah kegiatan Masutra.

"Tetapi buat sementara biarlah ketiga-tiga buah badan itu memelopori pembentukan Majlis tersebut yang dijangka bertindak sebagai badan induk kepada semua sukan tradisional Melayu di masa depan," tegas beliau.

Haji Ya'acob juga menambah bahawa tujuan utama pembentukan majlis itu ialah untuk memajukan warisan tradisional Melayu dan menyelaraskan kegiatan badan-badan sukan tradisional Melayu di sini.

Seluas2nya

Ia juga, katanya, bertujuan memajukan sukan-sukan tradisional Melayu itu bukan saja bagi mengekalkan warisan Melayu malah sebagai sukan kebangsaan di Republik ini.

Malah sukan-sukan tradisional Melayu ini hendaklah dikembangkan seluas-luasnya supaya ia tidak hanya dikenali oleh masyarakat Melayu sendiri malah oleh masyarakat-masyarakat lain di negara ini, sebagaimana sukan 'bot naga'.

"Tetapi jong kita masih tertinggal di pangkalan, layang-layang sudah pun melayang dan barulah kelihatan wau bulan terbang sama," katanya.